

RENCANA

Dalam era teknologi ini, bidang ukhrawi tidak ketinggalan dalam mengalami transformasi secara digital. **BERITA HARIAN** mengetengahkan beberapa asatizah yang telah menerokai perkembangan teknologi dan meraih manfaat dalam kehidupan harian mereka.

Ustaz Mohaimin turut ajar ilmu ukhrawi kepada **Persatuan Belia Bedok untuk Insan Kurang Upaya**

► ISMAWATI ISMAIL
ismail@sph.com.sg

MESKIPUN kurang daya penglihatan semangat untuk terus memperjuangkan pembelajarannya Al-Quran, terus tersemat disanubarinya.

Ustaz Mohaimin Tokyan, sudah pun mempelajari Al-Quran dalam bentuk braille sejak tahun 1980-an lagi, dan menjadi tenaga pengajar di Masjid Alkaff Upper Serangoon bermula pada 2018.

Namun, disebabkan pandemik Covid-19, Ustaz Mohaimin terus mengendalikan pembelajarannya secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi Zoom.

Di samping itu, beliau juga mengadakan sesi pembelajaran ukhrawi lain bersama **Persatuan Belia Bedok untuk Insan Kurang Upaya (BYSD)**.

Ustaz Mohaimin, 57 tahun, memiliki sijil Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS) dan Skim Pengiktirafan Guru Al-Quran (QRTS) sejak 2011 dan yakin pembelajaran ukhrawi seperti Al-Quran Braille, Iqra dan fardu ain tetap penting bagi golongan kurang upaya.

PENGLIHATAN 10 PERATUS SEJAK LAHIR

Menurut beliau, sejak dilahirkan, penglihatannya hanya boleh berfungsi 10 peratus sahaja berbanding insan lain.

Namun, keterbatasan penglihatan bukanlah satu alasan untuk seseorang tidak mempertingkatkan diri dengan ilmu ukhrawi. Malahan, dengan kemudahan teknologi dan keperluan khusus seperti Braille Al-Quran atau Braille Iqra yang telah disediakan di beberapa masjid dan badan Islam setempat, individu berkeperluan khas patut memanfaatkannya dan usah rasa terpinggir.

Bermula dengan Sijil Pengajian Islam dari Pergas, bapa empat anak ini terus meningkatkan diri dan memiliki ijazah Sarjana Muda Pengurusan Dakwah daripada Kolej Islam Muhammadiyah (KIM).

Kini beliau telah pun tamat dalam pengajian Sarjana Falsafah dalam jurusan Pendidikan dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

"Belajar dan terus meningkatkan diri dan berkongsi ilmu memang sesuatu yang saya minati sejak usia 30-an lagi.

"Pada awalnya, keterbatasan dalam penglihatan telah membuatkan saya ragu-ragu dan takut untuk menceburi bidang mengajar ini.

Cacat penglihatan tidak jejas ajar-Al-Quran melalui Zoom

GIGIH AJAR AL-QURAN: Ustaz Mohaimin sudah belajar Al-Quran dalam bentuk braille sejak tahun 1980-an dan menjadi tenaga pengajar di Masjid Alkaff Upper Serangoon bermula pada 2018. Namun, disebabkan pandemik Covid-19, beliau mengendalikan terus bimbingannya secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi Zoom. - Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA



"Jadi, saya lebih tumpukan perhatian dengan menuntut ilmu ukhrawi sebagai keperluan peribadi dan peningkatan untuk diri sendiri sahaja.

"Namun, atas galakan dan saranan beberapa asatizah lain, saya terdorong untuk menganjurkan beberapa kelas bagi golongan kurang upaya dan pelajar biasa.

"Alhamdulillah, dengan bekalan ilmu yang ada, saya dapat terus mengajar dan merealisasikan impian hingga ke hari ini, walaupun ada cabarannya," jelas Ustaz Mohaimin.

AJAR AL-QURAN BRAILLE

Secara lazim, pembelajaran Al-Quran atau Iqra secara braille dilakukan melalui kaedah pembacaan mengikut titik timbul atau "dot" yang tersedia di dalam kitab tersebut.

Ini bagi memenuhi keperluan golongan berkeperluan khas seperti mereka yang kurang penglihatan, buta atau separa buta.

Seperti cabaran yang dihadapi oleh pembimbing lain dalam tempoh Covid-19 ini, pembelajaran Al-Quran Braille, Iqra dan fardu ain ini tetap berjalan terus, walaupun dalam talian.

Ustaz Mohaimin berkata, beliau akan memperuntukkan sehingga tiga

jam dalam satu sesi, dan kelas-kelas kelolaannya juga diadakan dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Menurut Ustaz Mohaimin lagi, antara cabaran yang beliau hadapi adalah penyesuaian untuk menggunakan dan memanfaatkan teknologi bagi pelajarnya, khususnya mereka berkeperluan khas dan kurang daya penglihatan.

"Antara cabaran menggunakan teknologi adalah menyesuaikan penggunaan teknologi dengan keterbatasan saya dan memastikan keterbatasan ini tidak menjejaskan kualiti perkhidmatan saya," ujarnya.

Ustaz Mohaimin juga yakin, keberkesanan mengajar terletak pada tatacara ia dianjurkan dan ini boleh dicapai melalui pembelajaran dalam talian atau juga dengan cara konvensional.

"Keberkesanan sesuatu pembelajaran bukanlah terletak pada jarak ia disampaikan. Saya percaya, penyampaian pembelajaran dalam talian juga sama efektif kerana segalanya terletak pada tatacara ia dilaksanakan, sama ada dalam talian atau pun 'tatap muka'.

"Walau dalam apa situasi pun saya harap akan dapat bantu mewujudkan lebih ramai lagi anggota masyarakat Islam yang celik Al-Quran atau Al-Quran Braille," tambahnya.

“Pada awalnya, keterbatasan dalam penglihatan telah membuatkan saya ragu-ragu dan takut untuk menceburi bidang mengajar ini. Jadi, saya lebih tumpukan perhatian dengan menuntut ilmu ukhrawi sebagai keperluan peribadi dan peningkatan untuk diri sendiri sahaja. Namun, atas galakan dan saranan beberapa asatizah lain, saya terdorong untuk menganjurkan beberapa kelas bagi golongan kurang upaya dan pelajar biasa. Alhamdulillah, dengan bekalan ilmu yang ada, saya dapat terus mengajar dan merealisasikan impian hingga ke hari ini, walaupun ada cabarannya.

- Ustaz Mohaimin Tokyan.